

## BAB III

### HAJI SULONG DAN GERAKAN POLITIK ISLAM

#### Latarbelakang Politik Thai

Kawalan penuh kerajaan Thai semakin nyata pada awal abad ke-20. Bermula tahun 1901, satu sistem penyusunan semula yang dinamakan Thesaphiban telah dilaksanakan di seluruh Thailand. Wilayah-wilayah Selatan telah diletakkan di bawah satu pentadbiran berpusat yang dikenali sebagai ‘Booriwen Cad Huamung’ yang bermaksud Tujuh wilayah Selatan.<sup>1</sup> Raja-raja Patani telah bersetuju untuk melepaskan hak-hak tradisi mereka sebagai satu syarat untuk mengekalkan kedudukan mereka. Menerusi persetujuan ini, kerajaan Thai hanya akan melantik orang Thai sebagai raja sekiranya raja-raja Melayu tersebut meninggal dunia atau memilih untuk melepaskan jawatan mereka.

Bermula 1902 kuasa politik masyarakat Melayu terhapus. Ini membolehkan pegawai-pegawai Thai membuat sesuka hati mereka. Pelbagai dasar yang dijalankan yang bertentangan dengan agama Islam telah dilaksanakan.<sup>2</sup>

Pada tahun 1906, wilayah-wilayah Selatan telah disatukan menjadi wilayah yang dinamakan *Monthon Pattani*. Kemudiannya ia dipecahkan kepada beberapa daerah seperti Yala, Narathiwat, Pattani dan Saiburi. Perjanjian Bangkok 1909 pula melengkapkan usaha kerajaan Thai menghapuskan kerajaan Melayu Patani. Dalam perjanjian tersebut, wilayah-wilayah selatan yang selama ini menjadi penghalang kepada hubungan Thai-Inggeris telah

<sup>1</sup> Tej Bunnag, *The Provincial Administration of Siam 1892-1915* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1977), hlm. 146.

<sup>2</sup> Walter F. Vella, *Chaiyo! The Role of King Vajiravudh in the Development of Thai Nationalism* (Honolulu : University of Hawaii Press, 1976), hlm. 197-199.

dikeluarkan dari isu berbangkit.<sup>3</sup> Ini jelas dalam kenyataan ,“... the Pattani region which had been a major catalyst in beginning discussions for treaty arrangements, was removed from the discussion.”<sup>4</sup>

Dengan termeterinya perjanjian tersebut, Patani bukan lagi sebuah kerajaan Melayu yang bersatu. Ia hanyalah sebahagian dari wilayah-wilayah Melayu di bawah pemerintahan kerajaan Thai.<sup>5</sup> Penentangan terhadap tindakan Thai pada awal abad ke-20 tidak begitu ketara dan mudah dipatahkan. Hanya Raja Pattani, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin dilihat mampu memberi tentangan yang ketara. Baginda yang kehilangan kuasa politiknya telah membuat beberapa tindakan yang dilihat mengengkari perintah Raja Thai. Baginda bertindak menulis surat kepada Sir Frank Swettenham di Singapura pada tahun 1899 untuk meminta perlindungan British ke atas Patani.<sup>6</sup> Atas tindakan berani tersebut, baginda telah ditahan dan dihantar ke wilayah Pitsanulok di utara Bangkok. Di sana, baginda telah dikenakan hukuman penjara 10 tahun. Tengku Abdul Kadir hanya dibebaskan setelah Frank Swettenham campurtangan.<sup>7</sup>

<sup>3</sup> Perjanjian ini merupakan kesinambungan beberapa perjanjian yang melibatkan hubungan Thai-Inggeris seperti Perjanjian Bangkok 20 Jun 1826, Konvensyen Rahsia 6 April 1897 dan Persetujuan Sempadan Thai-British 29 Nov 1899. Lihat Chayachoke Chulasiriwongs, Thai-British Relations Concerning the Southern Malay States, 1880-1899, Tesis Ph.D., Ohio University, 1980, hlm. 355-362.

<sup>4</sup> Margeret L. Koch, “Patani & the Development of A Thai State”, *JMBRAS*, Vol. 50 Bhg. 2, No. 232, 1977, hlm. 88.

<sup>5</sup> Gilbert Khoo, *Asian Transformation* (Singapura : Heinemann Educational Books, 1977), hlm. 336-364.

<sup>6</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, “Special Thai-Malaysian Relations”, *JMBRAS*, Vol. 75, Part 1, No. 282, 2002, hlm. 9.

<sup>7</sup> Chidchanok Rahimula, “Peace Resolution : A Case Study of Separatist and Terrorist Movement in Southern Border Provinces of Thailand”, Department of Social Science, Prince of Songkla University, Thailand, 2001(tidak diterbitkan). Sebagai satu syarat pembebasan, Tengku Abdul Kadir tidak dibenarkan melibatkan diri secara aktif dalam apa juar kegiatan politik di Patani.

Namun, Tengku Abdul Kadir dipenjara semula pada tahun 1915 kerana disyaki terlibat aktif dalam politik Patani. Baginda dikenakan tahanan selama dua tahun. Apabila dibebaskan, baginda mengambil keputusan untuk mendapatkan perlindungan politik di Kelantan.<sup>8</sup> Di sana, perjuangan untuk membebaskan semula Patani tetap diteruskan. Baginda dikatakan meneruskan hubungan dengan masyarakat Melayu di Selatan.<sup>9</sup> Malah, baginda menjadi penggerak kepada gerakan penentangan yang dinamakan *Nam Sai* pada tahun 1922.<sup>10</sup>

Selepas kemangkatan baginda pada tahun 1933 perjuangan tersebut disambung oleh putera bongsu baginda, Tengku Mahmood Mahyideen.<sup>11</sup> Tengku Mahmood meneruskan kerjasama politik dengan orang Melayu di Selatan terutama dengan golongan ulama'. Dalam masa yang sama, beliau telah menjalankan pelbagai usaha dalam menarik perhatian dunia berkenaan kemelut yang dialami oleh masyarakat Melayu di Selatan Thailand.

---

<sup>8</sup> Kelantan dan Patani mempunyai satu sejarah yang panjang dan berkait rapat. Hubungan kekeluargaan antara kedua-dua keluarga diraja telah dikukuhkan lagi dengan ikatan agama Islam. Kedua-dua kuasa ini turut terlibat dalam beberapa perperangan dengan pihak Thai. Lihat A. Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950, Pengaruh Agama dan Tarikat* (Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan, 1994), hlm. 68-71.

<sup>9</sup> Surin Pitsuwan, ‘Islam and Malay Nationalism A Case Study of the Malay Muslims of Southern Thailand’, Tesis Ph.D., Harvard University, 1980, hlm. 57-58.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Beliau dilahirkan pada 30 Oktober 1908 di Patani. Menghabiskan sebahagian hidupnya di Kelantan. Pada tahun 1920, beliau melanjutkan pelajaran di Bangkok dan terpaksa pulang pada tahun 1923 apabila Tengku Abdul Kadir ditahan oleh kerajaan Thai. Setelah ayahanda beliau menetap di Kelantan, beliau bekerja sebagai peniaga. Kemudianya, dilantik sebagai Nazir Sekolah Melayu Kelantan. Apabila tercetus Perang Dunia Kedua, beliau menjadi pegawai tentera sukarela di India hingga mendapat pangkat Mejor disamping mengasaskan Force 136. Hasil keberanian beliau sewaktu perang, kerajaan British menganugerahkan beliau pingat M.B.E. Lihat Hugh Wilson, “Tengku Mahmud Mahyiddeen and the Dilemma of Partisan Duality”, *JSEAS*, Vol. 23, No. 1, March 1992, hlm. 38-44.

Keadaan politik Thai mengalami perubahan pada 24 Jun 1932.<sup>12</sup> Revolusi yang dilancarkan oleh parti *Khanarat* telah menamatkan sistem kerajaan beraja mutlak Thailand.<sup>13</sup> Perlembagaan baru Thai yang berlandaskan konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen diharapkan ménembawa sinar kepada masyarakat Melayu di Selatan.<sup>14</sup> Ini menyebabkan mereka menyambut baik revolusi tersebut dan bekerjasama dengan golongan yang menentang raja mutlak di Bangkok. Pada pendangan mereka, masyarakat Melayu akan diberi peluang untuk mendapatkan kembali hak-hak mereka terutama dalam hal-ehwal keagamaan, kebudayaan dan bahasa. Tengku Mahmood sendiri turut mengalukan perubahan ini . Beliau telah pergi ke Bangkok untuk bertemu dengan barisan kepimpinan baru Thai. Tengku Mahmood menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan kerajaan baru sekiranya masyarakat Melayu Patani dibenar meneruskan kehidupan mereka menurut cara mereka sendiri.

Namun dari segi realiti, taraf pendidikan masyarakat Melayu yang rendah serta ekonomi yang lemah tidak memungkinkan mereka bersaing dalam sistem baru ini. Satu dilema yang timbul penyesuaian dalam asimilasi pendidikan, ekonomi dan politik. Hasilnya, berdasarkan pilihanraya umum pertama Thai pada tahun 1933, hanya seorang

<sup>12</sup> Thawatt Mokrapong, terj. Wan Azaham Wan Mohamad, *Sejarah Revolusi Thai* ( Kuala Lumpur : DBP, 1987), hlm. 87-108. Lihat juga Kenneth P. Landon, *Siam in Transition – A Brief Survey of Cultural Trends in the 5 Years Since the Revolution 1932* (Chicago : University Press, 1939).

<sup>13</sup> Frank Golay, *Underdevelopment and Economic Nationalism in Southeast Asia* (New York : Cornell University Press, 1969), hlm. 282. Walaupun ia denamakan revolusi, proses pertukaran ini berjalan dalam keadaan aman. Ia Cuma satu perubahan kuasa dari raja mutlak kepada golongan baru yang merangkumi golongan pertengahan, para pegawai tentera dan rakyat biasa. Pertukaran aman ini berlaku kerana rakyat Thai masih menghormati institusi diraja mereka . Untuk maklumat lanjut berkenaan sejarah raja mutlak Thai, rujuk Kokbua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok* (Kuala Lumpur : DBP, 1991).

<sup>14</sup> John Coast, *Some Aspects of Siamese Politics* (New York : Institut of Pacific Relations, 1953), hlm. 9. Lihat juga Pasuk Pongpaichit dan Chris Baker, *Thailand : Economy and Politics*, (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1995), hlm 244-263.

sahaja ahli parlimen wilayah dari kalangan orang Melayu.<sup>15</sup> Sedikit demi sedikit perlombagaan baru ini mula menampakkan kesinambungan penindasan orang-orang Thai. Ia menjadi bertambah buruk apabila Phibun Songram dilantik menjadi Perdana Menteri Thai pada tahun 1938. Phibun yang merupakan seorang anggota tentera berjiwa ultra nasionalis. Beliau telah menubuhkan sebuah kerajaan nasionalis pada bulan Disember 1938. Phibun percaya bahawa pembangunan nasional memerlukan sebuah kerajaan kuat, berdisiplin dan disokong oleh golongan tentera.<sup>16</sup>

Frank Golay berpendapat bahawa Phibun telah memperkenalkan corak pentadbiran bersifat Fascist seperti yang diamalkan di Itali dan Jepun.<sup>17</sup> Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Phibun yang begitu menindas telah memberi kesan kepada masyarakat Melayu Patani.<sup>18</sup>

Tindakan-tindakan telah dilaksanakan untuk mengamilisasi masyarakat Melayu Patani. Dasar Pelajaran yang diperkenalkan telah mewajibkan bahasa dan sejarah Thai diajar di sekolah-sekolah di sebelah selatan.<sup>19</sup> Ini diburukkan lagi pada tahun 1939 di mana

<sup>15</sup> Hadbamrue, C., *35 Years of Democracy* (Bangkok : Mitcharoen Press, 1968), hlm. 140-146. Abdullah Tuibin merupakan ahli parlimen tunggal yang dipilih menerusi pilihanraya. Beliau merupakan wakil dari wilayah Satun. Lihat juga Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 88.

<sup>16</sup> Wan Kadir Che Man, "Thailand" dlm. Norma Mahmood, peny., *Rethinking Political Development in Southeast Asia* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1994), hlm. 139.

<sup>17</sup> Frank Golay, *Underdevelopment and Economic Nationalism*, hlm. 274.

<sup>18</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik* (Shah Alam : Penerbit Hizbi, 1993), hlm. 194.

<sup>19</sup> Sistem pendidikan mula dikawal seawal tahun 1919 dengan tergubalnya Akta Sekolah Swasta. Akta ini menetapkan bahasa Thai harus diajar sekurang-kurangnya 3 jam seminggu. Pada tahun 1921, Akta Pendidikan Wajib mewajibkan setiap kanak-kanak di Thailand harus belajar bahasa Thai sekurang-kurangnya 4 tahun. Peraturan yang dikenali sebagai Akta 1935 menamatkan terus penggunaan bahasa lain di Thailand. Ia mewajibkan semua kursus mesti diajar dalam bahasa Thai. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Kenneth P. Landon, *Siam in Transition* (Chicago : University of Chicago Press, 1939), hlm. 96-112.

Menteri Pendidikan Thai telah mewajibkan semua matapelajaran mesti diajar dalam bahasa Thai.

Masalah yang menjadi punca utama penentangan adalah dasar kejam Phibun Songkram pada tahun 1938. Kerajaan telah melaksanakan dasar integrasi kebudayaan secara paksaan yang berlandaskan ‘nasionalisme sempit’ ke atas masyarakat Melayu.<sup>20</sup> Dasar ultra-nasionalis ini digubal antara tahun 1939-1942. (Lihat Lampiran 7).

Jika dilihat dari sudut sosiologi, tindakan-tindakah berupa paksaan ini sebenarnya tidaklah menghairankan. Sudah menjadi satu tradisi dalam masyarakat Thai mengamalkan amalan perbezaan darjah. Masyarakat Melayu Patani yang merupakan golongan minoriti dianggap sebagai golongan kelas kedua yang perlu taat dengan golongan kelas atasan. John Funston menegaskan bahawa “Thai society emphasizes hierarchy ... the concept of equality is unknown in Thai cultural tradition; all social relatioons are characterized by a superior-inferior aspect.”<sup>21</sup>

Tindakan yang dilihat sebagai paling drastik dalam perlaksanaan secara diskriminasi ini adalah pembatalan perundangan Islam dalam hal-hal perkahwinan dan pusaka yang diganti dengan undang-undang sivil Thai. Pakaian Melayu turut diharamkan di mana mereka diwajibkan memakai pakaian ala Barat seperti seluar panjang.<sup>22</sup> Orang Melayu juga digalakkan menggunakan nama Thai. Keadaan begitu serius hingga ke satu peringkat ada pegawai Thai tempatan yang memaksa orang-orang Islam menyembah

<sup>20</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism : A Study of the Muslim-Malays in Southern Siam’, Tesis Ph.D., Stanford University, 1981, hlm. 72.

<sup>21</sup> John Funston, *Government & Politics in Southeast Asia* (Singapore : ISEAS, 2001), hlm. 336.

<sup>22</sup> Rathaniyom Bilangan 10 melarang pemakaian kain sarung dan berbaju Melayu. Lihat Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam* (Alor Setar : Pustaka Darul Salam, 2000), hlm. 154.

patung Buddha.<sup>23</sup> Adat-adat kecil turut dilarang. Sebagai contoh, amalan mengunyah sirih yang menjadi amalan turun temurun masyarakat Melayu telah diharamkan.<sup>24</sup> Ramai yang ditangkap dan didakwa atas kesalahan menentang kerajaan berdasarkan dasar *Rattaniyom Bilangan 2.*<sup>25</sup>

Apabila Perang Dunia Kedua tercetus pada bulan Disember 1941, kerajaan Thai telah bekerjasama dengan Jepun dan pihak Berikat.<sup>26</sup> Sebagai balasan, Jepun telah memulangkan semula negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu sebagai satu ‘haddiah’.<sup>27</sup> Pentadbiran Thai turut dimulakan semula di negeri-negeri tersebut.

Keadaan semakin mencengkam pada tahun 1944. Jawatan Qadhi telah dihapuskan. Undang-undang Islam berkenaan nikah cerai dan pembahagian harta turut dihapuskan sama sekali.<sup>28</sup>

Masyarakat Melayu Patani merasakan identiti mereka tergugat. Kerajaan Phibun dilihat cuba menghapuskan bahasa, agama dan sosio-budaya mereka menerusi dasar asimilasi paksa ini. Ini menyebabkan Tengku Abdul Yala Nasir<sup>29</sup> menulis surat kepada Perdana Menteri Thai di Bangkok.<sup>30</sup> Beliau mendakwa gabenor wilayah Pattani telah

<sup>23</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang* (Bangkok : Penal Penyelidikan Angkatan al-Fatani, 1977), hlm. 50.

<sup>24</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 72.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> John Coast, *Some Aspects of Siamese Politics*, hlm. 18-22.

<sup>27</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 54. Negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan sebagai balasan kerjasama kerajaan Phibun memberi laluan kepada tentera-tentera Jepun memasuki Tanah Melayu.

<sup>28</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 73.

<sup>29</sup> Beliau merupakan seorang ahli parlimen berbangsa Melayu dari wilayah Narrathiwat.

<sup>30</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 73.

dengan zalim memaksa perlaksanaan dasar asimilasi ini. Perbuatan itu telah mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi dan penentangan keagamaan di kalangan masyarakat Melayu. Beliau mendesak Perdana Menteri mengadakan siasatan terhadap perkara tersebut. Selain itu, perubahan yang sewajarnya perlu dibuat ke atas dasar tersebut. Namun, tiada tindakan yang dibuat oleh kerajaan pusat.

Perang Dunia Kedua yang tamat pada tahun 1945 telah menimbulkan impak yang besar pada rantau Asia Tenggara. Semangat kebangsaan mula bangkit.<sup>31</sup> Terdapat satu harapan di kalangan masyarakat Melayu bahawa Thailand akan dilayan sebagai pihak yang kalah dalam Perang Dunia Kedua kerana bersekongkol dengan pihak Berikat. Sikap kerajaan Thai bekerjasama dengan Jepun telah menimbulkan kemarahan kerajaan British. Perjanjian Damai yang ditandatangani antara pihak yang menang dan yang kalah akan membolehkan British menguasai keempat-empat wilayah selatan.<sup>32</sup> Pemimpin masyarakat Melayu mengambil kesempatan membuat hubungan baik dengan kerajaan British dengan harapan keempat-empat wilayah itu dimasukkan ke dalam British Malaya.<sup>33</sup>

Namun segala tidak kesampaian apabila Phibun telah meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada bulan Julai 1944. Dalam kekecewaan itu, para pemimpin Melayu terpaksa mencari alternatif baru. Jesteru itu, Tengku Abdul Jalal untuk menghantar surat kepada Perdana Menteri yang baru, Khuang Aphaiwong. Beliau menekankan keperluan

---

<sup>31</sup> Negara-negara Asia Tenggara mula merdeka satu demi satu. Indonesia dan Burma (kini Myanmar) antara yang terawal mereka iaitu pada tahun 1948. Tanah Melayu umpamanya, buat pertama kali orang Melayu mampu bersatu menentang British pada tahun 1946. Golongan kemerdekaan Indonesia pimpinan Sukarno dan Hatta pula berjaya menentang kuasa Belanda.

<sup>32</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 99.

<sup>33</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 73.

untuk membuat pindaan ke atas dasar yang dikuatkuasakan ke atas masyarakat Melayu bagi mengelakkan sebarang kekacuan berlaku di keempat-empat wilayah selatan tersebut.<sup>34</sup>

Tengku Jalal turut menghantar satu petisyen dari 7 pemimpin Patani kepada Setiusaha Tanah Jajahan British. Petisyen ini menceritakan penderitaan rakyat Patani dan meminta pihak Bersekutu campurtangan membebaskan mereka dari cengkaman Thai.<sup>35</sup> Ini jelas diutarakan menerusi rayuan “help us in our desire, and release us from the hands of Siam.”<sup>36</sup>

Namun, harapan menggunung ini terutama oleh Tengku Mahmood Muhyideen tidak kesampaian. Walau bagaimanapun, perubahan mula terasa apabila Phibun kembali berkuasa di Bangkok pada tahun 1946. Beberapa keistimewaan yang dikecapi semasa zaman sebelum Phibun telah dikembalikan. Antaranya adalah undang-undang keluarga dan warisan. Ia tetap tidak memuaskan hati penduduk tempatan di mana mereka inginkan kuasa autonomi yang kukuh.<sup>37</sup>

Justeru itu, masyarakat Melayu Patani telah menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh tokoh-tokoh agama dalam mendesak kerajaan Thai memenuhi tuntutan-tuntutan mereka. Sebagai tindakbalas, kerajaan Thai telah menubuhkan satu suruhanjaya khas untuk menyiasat situasi sebenar yang berlaku di wilayah selatan. Tindakan tersebut tetap tidak dapat memuaskan hati penduduk tempatan yang masih mengenang kekejaman polisi Phibun.

---

<sup>34</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 52.

<sup>35</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 74.

<sup>36</sup> Nantawan Haemindra. “The Problem of the Thai-Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand,” *JSEAS*, Vol. 8, No. 1, March 1977, hlm. 207.

<sup>37</sup> Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 74.

## **Madrasah al-Ma’arif al-Wataniah**

Haji Sulong kembali ke Patani bersama isteri beliau Hajjah Khadijah.<sup>38</sup> Beliau kemudiannya menjadi guru agama dengan menjelajah ke seluruh pelusuk Patani untuk menyampaikan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat. Beliau tetap meneruskan perjuangan beliau walaupun mendapat tentangan dari golongan ulama' tradisional yang kurang senang dengan pendekatan beliau yang berbeza dari konsep pendidikan tradisional yang diamalkan selama ini. Bagi beliau, pengajian Islam akan menjadi benteng dalam menangkis pengaruh penjajah.<sup>39</sup>

Haji Sulong merasa bimbang tentang impak negatif hasil penggubalan Akta Pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Thai sejak 1921 ia bukan sahaja menggugat penggunaan bahasa Melayu, malah boleh mempengaruhi fikiran pelajar Melayu yang belajar di sekolah-sekolah kerajaan.<sup>40</sup>

Haji Sulong mengambil keputusan untuk menuahkan sebuah sekolah agama yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Beliau mahukan pelajar-pelajar didedahkan dengan ilmu-ilmu Islam yang sebenar. Ia merupakan sekolah agama yang pertama di Patani yang jelas membuktikan pembaharuan yang cuba dijalankan oleh Haji Sulong.

Dalam membina sekolah tersebut, masyarakat Melayu Patani menyokong penuh idea beliau. Mereka bukan sahaja menyumbang dalam bentuk kewangan, malah turut menyokong dari segi moral dan fizikal.<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 2001), hlm. 141.

<sup>39</sup> Ab. Hamid Ab. Rahman, ‘Tuan Guru Haji Muhamad Sulong : Peranan dan Sumbangan Beliau Dalam Perkembangan Syariat Di Patani’, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1994, hlm. 82.

<sup>40</sup> Akta Pelajaran 1921 mewajibkan semua pelajar beragama Islam bersekolah di sekolah-sekolah milik kerajaan. Sistem pengajaran yang diadakan dalam bahasa Thai amat bertentangan dengan sistem pondok dan madrasah yang berteraskan bahasa Melayu dan Arab.

<sup>41</sup> Ab. Hamid Ab. Rahman, ‘Tuan Guru Haji’, hlm. 84.

Hasil sumbangan kewangan, Haji Sulong berjaya mendirikan sekolah tersebut dengan perbelanjaan sekitar 7200 baht.<sup>42</sup> Walau bagaimanapun, cadangan menamakan sekolah tersebut sebagai Sekolah Agama Derma telah ditolak permohonannya oleh kerajaan.<sup>43</sup> Akhirnya, ia diberi nama Madrasah al-Ma’arif al-Wataniah yang dirasmikan sendiri oleh Perdana Menteri Thai, Manopakorn Nititada pada tahun 1933.<sup>44</sup>

Madrasah ini melambangkan satu konsep pembaharuan yang cuba dibawa oleh Haji Sulong. Sebelum itu, masyarakat Melayu Patani hanya mengenal sistem pendidikan pondok sahaja. Konsep madrasah yang dibawa oleh Haji Sulong agak berbeza. Ini dijelaskan oleh Ahmad Fathy al-Fatani dengan menyatakan bahawa “ ia adalah sebuah sekolah model baru yang bukan sahaja memiliki sukan dan pelajaran dan sistem kelas, tetapi menjadi istimewa kerana ‘latihan perbarisan’ oleh para pelajar sekolah itu sangat kemas dan bersemangat.”<sup>45</sup>

Apa yang menarik tenaga pengajarnya bukan sahaja terdiri dari guru-guru tempatan. Haji Sulong berjaya mendapatkan seorang guru dari Mesir bernama Abdul Murad.<sup>46</sup> Madrasah ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari kalangan orang Melayu Patani. Malah, ia turut mendapat bantuan kerajaan Thai menerusi sokongan Perdana Menteri Thai sendiri.<sup>47</sup> Ia telah berhasil meningkatkan kefahaman rakyat mengenai Islam

---

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 83.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 84.

<sup>44</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, Gambar No. 8.

<sup>45</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama. ’ Besar Dari Patani*, hlm. 143.

<sup>46</sup> Ibid.

<sup>47</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 94. Madrasah ini pernah dilawati oleh dua Perdana Menteri Thai, Praya Phon Pon Sena dan Pridi Panomyang. Malah, ia mendapat bantuan dari Pon Sena.

yang sebenar hingga berjaya melahirkan mereka yang komited kepada kefahaman mereka.<sup>48</sup>

Namun, madrasah ini hanya mampu bertahan selama dua hingga tiga tahun sahaja. Terdapat kemungkinan yang kerajaan Thai mula merasa sangsi dengan agenda madrasah ini. Latihan berkawad serta perkataan ‘wataniah’ yang bermaksud negara menimbulkan persoalan di kalangan pegawai Thai. Mereka berpendapat “.... bahawa seolah-olah ada motif lain berdiri di belakang latihan perbarisan atau berkawad ini, apa lagi dengan mengingat adanya kalimah ‘al-wataniah’ (kebangsaan) pada nama sekolah berkenaan.”<sup>49</sup>

Penutupan madrasah membuatkan Haji Sulong mengalih aktiviti kepada mengajar kitab-kitab di masjid. Haji Sulong membawa satu stail baru dalam pengajaran di masjid. Ini dijelaskan oleh Nik Anuar Nik Mahmud :

“Huraian-huraian beliau dalam tafsir adalah sesuatu yang baru bagi masyarakat Patani yang biasa mendengar tafsiran cara Baidhawi dan cara lain sahaja. Tafsir beliau dikatakan sangat menarik, progresif dan berani sehingga menyebabkan orang ramai tertarik untuk menghadiri kuliah-kuliahnya.”<sup>50</sup>

Selain melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan, Haji Sulong turut bergiat cergas dalam gerakan politik. Seperti corak pemikiran Muhammad Abduh, beliau berhubung dengan pemerintah. Kerana pengaruhnya yang begitu besar dalam masyarakat Melayu, pegawai Thai tempatan kerap meminta nasihat dan sokongan dari beliau terutama dalam hal

---

<sup>48</sup> Ab. Hamid Ab. Rahman, ‘Tuan Guru Haji’ , hlm. 85.

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 51.

agama Islam.<sup>51</sup> Namun, dasar kerajaan yang tidak konsisten membuatkan beliau menyalahkan kerajaan Thai atas tindakan yang menjelaskan kesucian Islam. Ini menyebabkan beliau menentang campurtangan Thai selepas itu.

## Pertubuhan Bagi Mempertahankan Undang-Undang Syariat Islam

Apabila keadaan politik di Selatan semakin bergolak, Haji Sulong menyedari betapa perlunya golongan ulama' untuk bersatu.<sup>52</sup> Keadaan bertambah buruk apabila Phibun melaksanakan Dasar *Rathaniyom* (Lihat Lampiran 7). Justeru itu, satu pertubuhan yang dinamakan *Heét al-Napadh al Lahkanal Shariáh* telah ditubuhkan. Ia membawa maksud ‘Pertubuhan bagi Mempertahankan Undang-Undang Syariat Islam’.

Atas kesedaran bahawa identiti Islam dan budaya Melayu tergugat, Haji Sulong telah mengajak beberapa ulamá terkemuka Patani untuk menganggotai pertubuhan ini. Secara khusus, ia bertujuan menggalakkan para ulamá dan guru-guru agama bersatu dalam menghadapi cubaan asimilasi kerajaan Thai yang dilihat mencabuli kesuciaan dan kemurnian Islam.

Antara para ulama yang menyertai pertubuhan ini adalah Haji Mat Pauh, Tó Bermin,<sup>53</sup> Haji Hassan Mak Enggol,<sup>54</sup> Haji Abdullah Masjid Embong,<sup>55</sup> Haji Abdullah

---

<sup>51</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama. ' Besar Dari Patani*, hlm. 12.

<sup>52</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 52.

<sup>53</sup> Nama sebenar beliau ialah Haji Wan Ahmad bin Wan Idris. Lahir pada tahun 1874 di kampung Binjai, Mukim Binjai Lima, Patani. Merupakan pengasas Pondok Bermin atau nama rasminya Madrasah Nur al-Islam al-Berminiah. Sangat terkenal dalam bidang ilmu fiqh. Sentiasa menjadi rujukan umat Isam waktu itu. Beliau terlibat dalam perjuangan umat Islam Patani demi untuk memperbaiki nasib dan kedudukan ummah yang tertekan di bawah dasar Rathaniyom. To' Bermin meninggal dunia pada malam Khamis, 27 Jun 1957. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama. ' Besar Dari Patani*, hlm. 161-181.

<sup>54</sup> Nama sebenar beliau ialah Haji Hassan bin Muhammad Amin. Dilahirkan di Kampung Tandang sekitar tahun 1896. Mendapat pendidikan agama di Makkah selama 10 tahun (1924-1934).

Mesir, Haji Abdul Latif Perigi, Haji Ahmad Paluan,<sup>56</sup> Haji Ahmad Abdul Wahab al-Fusani<sup>57</sup> dan beberapa lagi ulamá terkemuka.<sup>58</sup>

Para ulama' yang terlibat ini telah mengadakan satu persidangan untuk membincangkan penubuhan pertubuhan ini. Satu ijtimá' telah diadakan di Pondok Bendang Jelapang pada 27 Oktober 1943.<sup>59</sup> Hasilnya, para ulama' bersetuju untuk melantik Haji Sulong, Haji Abdul Majid Embong dan To' Bermin sebagai qadhi di Patani.<sup>60</sup> Perlantikan ini sebenarnya adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak diakui oleh kerajaan Thai. Namun, orang Melayu tetap menerima Haji Sulong sebagai pemimpin agama tertinggi.<sup>61</sup>

---

Merupakan pengasas Pondok Mak Enggol dan terkenal mahir dalam ilmu fiqh hingga digelar 'faqih'. Beliau turut masyhur dalam ilmu áqidah dan usuluddin. Selepas perang dunia kedua, beliau dilantik menjadi panel hakim Majlis Ugama Islam Patani. Terlibat aktif dalam perjuangan politik Patani setelah menganggotai pertubuhan yang diasaskan oleh Haji Sulong ini. Meninggal dunia pada hari Ahad 4 Mei 1969. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 198-210.

<sup>55</sup> Ibid., hlm. 121-139. Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah. Dilahirkan pada tahun 1898 di Pondok Chauk. Melanjutkan pelajaran di Makkah selama 8 tahun sebelum menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir bersama-sama dengan Tengku Mahmood Mahyideen. Sekambalinya ke Patani, beliau menghidupkan semula sekolah pondok ayahnya di Chauk. Menyertai pertubuhan ini demin untuk menentang usaha-usaha kerajaan Thai untuk mencabar kesucian agama Islam. Dilantik sebagai setiausaha dalam jawatankuasa kepimpinan pertubuhan tersebut. Meninggal dunia pada 10 Julai 1953.

<sup>56</sup> Ibid., hlm. 315-316. Haji Wan Ahmad bin Wan Yusuf. Lahir sekitar 1881 di kampung Tok Raja Haji. Melanjutkan pelajaran ke Makkah sekitar dekad 1920-an. Terkenal kehebatannya dalam bidang usuluddin dan tasawwuf. Membuka sekolah pondok di Ulu Jaha, Yala.

<sup>57</sup> Ibid., hlm. 251-272. Nama penuh beliau Haji Ahmad bin Abdul Wahab al-Fusani. Dikenali juga dengan nama Tok Guru Tua kerana umurnya yang menjangkau hampir 100 tahun. Dilahirkan di Kampung Kubang Jejawi, Kota Star, Kedah pada tahun 1902. melanjutkan pelajaran ke Makkah pada tahun 1922 dan berada di sana hingga tahun 1935. Terkenal dalam ilmu fiqh, hadith, usuluddin, qiraat dan mantiq. Membuka Madrasah al-Maslahah al-Islamiyyah atau lebih dikenali dengan nama Pondok Fusani. Menyertai pertubuhan yang diketuai oleh Haji Sulong ini walaupun diketahui Haji Ahmad merupakan golongan ulama' tradisional atau Kaum Tua. Beliau meninggal dunia pada 13 Oktober 1996 pada usia 94 tahun.

<sup>58</sup> Ibid., hlm. 146.

<sup>59</sup> Ibid., hlm. 169.

<sup>60</sup> Ibid.

<sup>61</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 95.

Pengaruh beliau begitu ketara hingga antara 1943-1947, tiada kes-kes agama yang dijalankan di mana-mana mahkamah kerajaan.<sup>62</sup>

Hasilnya, Haji Sulong dapat menyatupadukan golongan ulamá dan masyarakat. Mereka telah bersatu tenaga dalam mempertahankan usaha-usaha kerajaan Thai yang mengancam amalan Islam dan identiti bangsa Melayu. Terdapat perubahan-perubahan dalam dasar Thai selepas Phibun terpaksa meletak jawatan. Umpamanya pada 3 Mei 1945 Perdana Menteri Thai yang baru, Dr. Pridi Banomyong telah menggubal perlembagaan Thai yang dikenali sebagai ‘Perlembagaan Pridi’ yang dianggap lebih sempurna dan demokratik.<sup>63</sup> Isu berkenaan nasib orang Islam turut diambil perhatian. Beberapa akta telah digubal, ditambah dan diperbaiki bertujuan untuk mengambil hati masyarakat Islam di wilayah-wilayah Selatan yang telah menjadi satu masalah politik yang membimbangkan.<sup>64</sup>

‘Perintah Diraja Berkennaan Naungan ke Atas Islam’ telah digubal sebaik sahaja Pridi menjadi perdana Menteri. Peraturan ini menetapkan bahawa kegiatan agama di kalangan masyarakat Islam diberi perlindungan oleh Raja Thai dan diberi galakan oleh Raja sendiri sesuai dengan peranan beliau sebagai ‘pelindung kepada agama’.<sup>65</sup> Akta Islam turut diperkenalkan pada bulan Oktober 1946. Ini bertujuan untuk membolehkan kerajaan Thai dan orang Islam bekerjasama.<sup>66</sup>

---

<sup>62</sup> Ibid.

<sup>63</sup> Ibid., hlm. 85.

<sup>64</sup> Yoneo Ishii, terj. Mohamed Yusoff Ismail, *Sejarah Sangha Thai : Hubungan Buddhisme dengan Negara dan Masyarakat* (Bangi : Penerbit UKM, 1993), hlm. 167.

<sup>65</sup> Ibid., hlm. 173.

<sup>66</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 52.

Menurut Nik Anuar Nik Mahmud :

“Mukadimah akta itu dengan jelas menyatakan bahawa. Oleh kerana perlembagaan Kerajaan Siam memberikan kebebasan beragama kepada rakyat dengan Raja sebagai pelindung utama agama dan menimbangkan kenyataan bahawa setengah-setengah orang Siam menganut agama Islam, adalah wajar bahawa orang-orang Islam dibantu dan diberi pelindungan dalam hal ehwal agama mereka. Akta itu juga menyatakan bahawa sebuah institusi akan dibentuk untuk menjadi badan perantaraan di antara masyarakat Islam dengan kerajaan.”<sup>67</sup>

Satu jawatan yang dinamakan Pejabat Chularajamontri telah diadakan. Penjawat jawatan Chularajamontri akan menjadikan pemimpin kerohanian bagi seluruh umat Islam di Thailand.<sup>68</sup> Beliau akan bertindak bagi pihak Raja Thai dan kerajaan Thai dalam semua perkara yang berkaitan dengan urusan agama masyarakat Islam di Thailand.<sup>69</sup> Akta ini berkehendakkan kerajaan Thai supaya membina institusi-institusi pendidikan Islam bagi kanak-kanak Islam yang ibu bapa mereka tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Akta ini turut membawa kepada tertubuhnya dua buah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Islam Pusat Thai di Bangkok dan Jawatankuasa Islam Wilayah di kawasan yang mempunyai ramai penduduk Islam.<sup>70</sup> Ahli Jawatankuasa pula akan menasihati Menteri Dalam Negeri Thai mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam.

---

<sup>67</sup> Ibid., hlm. 52.

<sup>68</sup> Ibid., hlm. 53.

<sup>69</sup> Yoneo Ishii, *Sejarah Sangha Thai*, hlm. 173.

<sup>70</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 53.

Dalam pada itu, kerajaan Thai telah mengizinkan penguatkuasaan berkaitan undang-undang Islam di Selatan berkenaan keluarga dan harta berkuasa dalam kes-kes guaman yang melibatkan pihak beragama Islam.<sup>71</sup> Menerusi perubahan ini, Perdana Menteri Thai berharap hubungan dingin antara kerajaan dan masyarakat Melayu di empat wilayah di Selatan itu dapat dipulihkan apabila akta tersebut dilaksanakan selepas tamat Perang Dunia Kedua.<sup>72</sup>

### **Tuntutan Tujuh Perkara**

Era selepas perang merupakan kemuncak perjuangan Haji Sulong. Beliau telah dilantik sebagai Yang diPertua Majlis Agama Islam Patani, satu jawatan yang membolehkan beliau mewakili orang-orang Islam. Masyarakat Melayu telah menganggap beliau sebagai jurucakap dalam menyampaikan kehendak dan hasrat mereka kepada kerajaan.<sup>73</sup>

Pada 1 April 1947, satu pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Melayu yang lain telah berlangsung di Patani. Menerusi mesyuarat tersebut, mereka telah sebulat suara untuk mengemukakan satu memorandum tuntutan masyarakat Melayu. Ia akan dikemukakan menerusi satu rundingan dengan para pegawai Thai dalam satu rundingan yang akan diadakan 2 hari kemudian. Para pemimpin ini juga telah bersetuju untuk melantik Tengku Mahmood Mahyideen, putera Sultan Patani yang terakhir sebagai ketua utama bagi keempat-empat wilayah selatan.<sup>74</sup>

<sup>71</sup> Yoneo Ishii, *Sejarah Sangha Thai*, hlm. 173.

<sup>72</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 53.

<sup>73</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *'Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 149.

<sup>74</sup> Ibid., hlm. 148.

Bertolak dari pertemuan itu, satu tuntutan yang digelar oleh Haji Sulong sebagai ‘Tuntutan Tujuh Perkara’ telah dihantar kepada Perdana Menteri Thai, Thamrong Nawasawad pada 3 April 1947.<sup>75</sup>

Tuntutan Tujuh Perkara mengandungi tuntutan-tuntutan yang boleh diringkaskan seperti berikut :<sup>76</sup>

Pertama, menggesa kerajaan Thai melantik seorang anak tempatan dari salah satu wilayah dalam empat wilayah (Patani, Yala, Narathiwat dan Satun) yang dipilih oleh rakyat setempat menerusi pilihanraya. Beliau mesti mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran wilayah-wilayah Islam yang empat.

Kedua, kutipan cukai dan hasil pendapatan dari keempat-empat wilayah berkenaan mestilah dilaburkan dan digunakan untuk pembangunan setempat.

Ketiga, kerajaan mesti mengadakan pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah sehingga ke darjah 6 sebelum mempelajari bahasa Thai.

Keempat, pegawai-pegawai Thai yang mentadbir keempat-empat wilayah Islam ini mestilah terdiri dari 80 % orang Melayu-Islam peranakan tempatan.

Kelima, bahasa Melayu bersama bahasa Thai dijadikan bahasa rasmi.

Keenam, penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah yang berkuasa penuh menyelaraskan hukum Islam bersabit dengan syarak dan kebudayaan di keempat-empat wilayah dengan persetujuan dari pemegang kuasa dalam perkara pertama.

---

<sup>75</sup> Apierat Samail, ‘Politik Dan Islam Di Narathiwat, Thailand 1970-1980’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1998, hlm. 54.

<sup>76</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 197-98. Lihat juga Apierat Samail, Politik Dan Islam, hlm. 54-55.

Ketujuh, kerajaan Thai mestilah mengasingkan mahkamah Syari'ah dengan Mahkamah Wilayah Kerajaan serta memberikan kuasa penuh kepada Qadhi membicarakan sesuatu kesalahan di Mahkamah Syari'ah.

Kerajaan Thai pada mulanya memandang serius tuntutan tersebut. Ini kerana pengaruh dan kedudukan Haji Sulong di wilayah-wilayah selatan amat besar.<sup>77</sup> Tambahan pula tuntutan tersebut mencakupi pelbagai aspek seperti politik, pemerintahan, sosio-ekonomi dan pendidikan.

Thamrong Nawasawad telah membawa ‘Tuntutan Tujuh Perkara’ ke mesyuarat kabinet Thai pada pertengahan Julai 1947. Ia telah ditolak oleh kerajaan Thai kerana berpendapat tuntutan ini akan menggugat kestabilan negara kerana sistem yang sedia ada telah sesuai dengan keadaan di selatan.<sup>78</sup> Pihak kerajaan juga menganggap tuntutan ini tidak berasas sama sekali.<sup>79</sup> Kerajaan Thai bimbang golongan minoriti lain akan menuntut hak yang sama.<sup>80</sup> Dalam masa yang sama, satu rombongan seramai 55 orang dari Narathiwat telah mengemukakan 13 tuntutan yang menyokong Tuntutan Tujuh Perkara ini.<sup>81</sup>

Ini diringkaskan oleh A Bangnara :

“... supaya diadakan siaran bahasa Melayu pada tiap-tiap hari dalam siaran radio kerajaan; supaya pejabat-pejabat kerajaan dalam 4 wilayah selatan tutup atau cuti pada

---

<sup>77</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 115.

<sup>78</sup> Ibid.

<sup>79</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 60.

<sup>80</sup> Apierat Samail, ‘Politik Dan Islam’, hlm. 55.

<sup>81</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 56.

hari Jumaát dan hari-hari besar Islam; dan supaya memperbaharui sistem pelajaran.<sup>82</sup>

Walaupun kerajaan enggan melayan sebarang tuntutan, kabinet Thai tetap bersetuju memperkenalkan beberapa polisi baru di selatan. (Lihat Lampiran 8).<sup>83</sup> Antara perubahan dalam polisi baru kerajaan Thai pegawai kerajaan yang dilantik mestilah boleh berbahasa Melayu, keutamaan dari segi pembangunan ekonomi dan infrastruktur, mewujudkan jawatan *Dato' Yutitham* yang bertindak sebagai hakim serta kebenaran terhad pengajaran bahasa Melayu di sekolah dan siaran radio.<sup>84</sup>

Namun, tindakan kerajaan Thai yang berdolak-dalik dan tidak konsisten amat mengecewakan Haji Sulong. Bagi beliau, tuntutan-tuntutan ini tidak melambangkan keinginan untuk memisahkan keempat-empat wilayah selatan yang bermajoriti Islam dari negeri Thai. Tiada langsung unsur-unsur untuk memberontak yang kerap dipersepsikan oleh para pegawai Thai. Ia hanyalah sekadar satu keinginan untuk bekerjasama dan dalam masa yang sama mempertahankan hak-hak orang Melayu dari sudut kebudayaan dan kemurnian agama Islam.

Langkah-langkah untuk mengintegrasikan penduduk Islam dipandang sangsi oleh masyarakat Melayu Patani terutama apabila paksaan politik dan kekerasan tentera digunakan sejak awal lagi. Percubaan berulangkali untuk menangkis cengkaman kerajaan Thai telah dibuat dalam memperjuangkan nasib mereka.<sup>85</sup>

---

<sup>82</sup> Ibid., hlm. 57.

<sup>83</sup> Sumber diubahsuai dari Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 115-116.

<sup>84</sup> Ibid.

<sup>85</sup> Yoneo Ishii, *Sejarah Sangha Thai*, hlm. 173.

Malangnya, para pemimpin yang mengetuai tuntutan ini telah dituduh mencuba untuk menanamkan sikap kebencian terhadap kerajaan Thai.<sup>86</sup> Malah, tindakan Haji Sulong selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam Patani mengarahkan agar bayaran zakat dikutip dari setiap masjid telah dianggap cubaan untuk mengutip derma bagi aktiviti untuk mengancam keselamatan negara.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 60.

<sup>87</sup> Ibid.